

November 2020

Majlis Menandatangani Pelan Kerja Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat Antara Negeri Sembilan dan Negeri Selangor telah diadakan pada 24 November 2020 (Selasa). Sebanyak 47 Lembaran Pelan Kerja telah ditandatangani oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Zulkifli bin Baharan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan Darul Khusus. Majlis ini turut dihadiri oleh Para Pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), JUPEM Negeri Sembilan dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan.

